

Penentuan keabsahan Anwar

BH - 19/12/2022 ml: 18

Sidang hari ini turut saksikan pemilihan Yang Dipertua baharu, angkat sumpah Ahli Parlimen

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persidangan Dewan Rakyat Penggal Pertama Parlimen Ke-15 yang bermula hari ini amat dinantikan bagi menentukan keabsahan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri Ke-10 menerusi undi percaya yang bakal diusulkan.

Berdasarkan Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat, usul undi percaya terhadap Perdana Menteri menjadi antara urusan persidangan paling utama, diikuti pemilihan Speaker baharu dan seterusnya majlis angkat sumpah Ahli Parlimen sebelum pemilihan dua Timbalan Speaker.

Usul undi percaya menjadi tumpuan selepas Anwar yang mengangkat sumpah jawatan pada 24 November lalu memberi jaminan akan mendapatkan pengesahan sokongan majoriti Ahli Parlimen bagi memimpin Kera-

jaan Perpaduan pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat yang dimuat naik di laman sesawang rasmi Parlimen meletakkan usul undi percaya terhadap Ahli Parlimen Tambun itu pada nombor lapan urusan persidangan dan akan dicadangkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Biarpun usul berkenaan dibentangkan, keabsahan Anwar sebagai Perdana Menteri dijangka tidak tergugat selepas lima gabungan parti politik yang membentuk Kerajaan Perpaduan memeterai perjanjian pada Jumaat lalu bagi mengukuhkan kerjasama dan sokongan kepada Anwar.

Lima gabungan itu ialah Pakatan Harapan (PH) yang diketuai Anwar sendiri, Barisan Nasional (BN) diterajui Ahmad Zahid, Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan Parti Warisan (WARISAN).

Perjanjian kerjasama yang dimeterai itu, antara lain bertujuan menjamin kestabilan politik serta memacu ekonomi negara.

Jika ada Ahli Parlimen dalam gabungan Kerajaan Perpaduan gagal mengundi atau menyokong Perdana Menteri dalam usul berkaitan undi percaya, perbekalan atau sebarang usul yang memberi kesan kepada keabsahan ke-



Keratan akhbar BH semalam.

rajaan, mereka dianggap meletak jawatan.

Bagaimanapun, ada desas-desus usul undi percaya mungkin menyaksikan beberapa Ahli Parlimen, khususnya daripada BN, sama ada mengundi sebaliknya atau mengambil sikap berkecuali dengan tidak mengundi langsung.

Langkah itu dipercayai selepas wujud dakwaan beberapa Ahli Parlimen terbabit dikatakan tidak sehaluan dengan pendirian BN yang memilih untuk mengadakan kerjasama dengan Anwar dan PH bagi membentuk Kerajaan Perpaduan pasca-PRU15.

Kumpulan Ahli Parlimen terbabit sebelum ini dikaitkan menyokong Perikatan Nasional (PN) yang diterajui bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam usaha menuhkan kerajaan selepas PRU15.

Selain usul undi percaya, persidangan hari ini akan turut menyaksikan pemilihan Yang Dipertua baharu Dewan Rakyat, proses mengangkat sumpah Ahli Parlimen serta pemilihan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

Dakwaan tak sehaluan

Pemilihan Yang Dipertua Dewan Rakyat baharu berikutan penyandang jawatan, Tan Sri Azhar Azizan Harun pada 2 Disember lalu mengesahkan beliau akan mengosongkan kerusi itu sebelum Parlimen bersidang.

Bekas Ahli Parlimen Sungai Petani, Datuk Johari Abdul dikatakan menjadi calon dinamakan blok kerajaan sebagai Yang Dipertua baharu.

Pemilihan beliau dilihat hampir pasti selepas Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah itu semalam mengumumkan beliau mengosongkan kerusi DUN Gurun disandangnya sejak 2018, berkuat kuasa serta-merta tanpa menyatakan alasan.

Di blok pembangkang, PN dilaporkan menamakan bekas Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Mohd Radzi Sheikh Ahmad untuk mengisi jawatan Speaker Dewan Rakyat.

Bagi jawatan Timbalan Yang Dipertua, Ahli Parlimen Lanang daripada DAP, Alice Lau Kiong Yieng dan Ahli Parlimen Cameron Highlands daripada BN, Da-

tuk Ramli Mohd Nor dikatakan dicalonkan mewakili blok kerajaan untuk jawatan terbabit.

PN pula dilapor menamakan Ahli Parlimen Masjid Tanah yang juga bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Mas Ermeyati Samsudin.

Turut terkandung dalam Aturan Urusan Mesyuarat adalah dokumen penyata sementara perbelanjaan yang dicadangkan bagi Perbelanjaan Pembangunan 2023 mengikut Seksyen 4 Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966.

Anwar sebelum ini dilaporkan berkata, kerajaan akan membentangkan rang undang-undang (RUU) belanjawan mini pada persidangan Dewan Rakyat kali ini bagi meluluskan emolumen berkaitan belanja mengurus kerajaan, khususnya gaji penjawat awam.

Menurut Perdana Menteri, kelulusan emolumen itu penting bagi memastikan tiada kebimbangan dalam kalangan penjawat awam berhubung gaji berikutan Bajet 2023 masih belum diluluskan selepas dibentangkan pada 7 Oktober lalu berikutan pertukaran kerajaan selepas PRU15.

Selepas kelulusan RUU mini berkenaan, Anwar memaklumkan, kerajaan dijangka membentangkan belanjawan susulan yang menyeluruh, kira-kira sebulan selepas sidang Parlimen minggu ini.